



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**12 Mei 2024
03 Zulkaedah 1445H**

Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• Rumput laut 'penjaga' ekosistem alam sekitar
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Cuaca panas boleh 'bunuh' terumbu karang
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	/	NEGATIF		NEUTRAL		33	12-5-2024



Pelbagai jenis hidupan yang boleh ditemui di Beting Merambong

Rumput laut 'penjaga' ekosistem alam sekitar

Beting Merambong yang menjadi habitat kepada lebih 100 flora dan fauna terus dijaga

Oleh Omar Ahmad
bilnews@bh.com.my

Biar pun berhadapan dengan pembangunan pesat di sekeliling Forest City dekat Gelang Patah, hamparan rumput laut di Beting Merambong yang terletak di Muara Sungai Pulau masih lagi bertahan.

Malah, kawasan seluas 26.1 hektar ini yang akan muncul di permukaan apabila keadaan air laut surut, menjadi hamparan rumput laut subtidal terbesar di Semenanjung Malaysia.

Berbeza dengan paya bakau yang berfungsi sebagai penahan ombak, hamparan rumput laut ini juga mempunyai peranan sama penting sebagai penapis dan taman permainan atau nurseri bagi kehidupan lebih 100 spesies flora dan fauna.

Justeru itu, usaha pemeliharaan dan pemuliharaan dijalankan antara Country Garden Pacific View Sdn Bhd (CGPV), pemaju Forest City dengan kerjasama strategik sekumpulan penyelidik dari Universiti Putra Malay-



B4, MS53, 1245

sia (UPM).

Ia untuk memastikan keseimbangan ekosistem antara pembangunan infrastruktur dan kelestarian alam sekitar di kawasan pembangunan berkenaan terjaga.

Profesor Jabatan Akuakultur, Fakulti Pertanian, UPM, Prof Dr Muta Harah Zakaria yang juga koordinator projek - Pemantauan dan Penilaian, Penyesuaian dan Pemuliharaan Ekosistem Rumput Laut Muara Sungai Pulau bagi Forest City, berkata, selain menempatkan kawasan pertumbuhan rumput laut, Beting Merambong itu juga adalah habitat kepada lebih 100 flora dan fauna.

"Terdapat 17 spesies rumput laut yang dikenal pasti berada di perairan Malaysia, dan uniknya di Beting

Merambong, 12 daripadanya hidup dengan subur di sini.

"Spesies rumput laut yang ada di sini adalah *Enhalus acoroides*, *Thalassia hemprichii*, *Halophila major*, *Halophila minor*, *Halophila ovalis*, *Halophila spinulosa*, *Halophila decipiens*, *Halophila beccarii*, *Halophila nipponica*, *Halodule pinifolia*, *Halodule uninervis* dan *Cymodocea serpulata*.

"Ekosistem rumput laut ketika ini menghampiri keluasan semula jadi iaitu 26.3 hektar pada 2013 sebelum penambakan kawasan Forest City.

"Aktiviti pemantauan dan penanaman semula rumput laut dilaksanakan sejak 2015 untuk membantu pertumbuhan rumput laut yang terkesan akibat penambakan, dan agar ia mencapai keluasan asal ataupun melebihi," katanya kajian ini dijalankan bersama dengan pasukan penyelidik lain di UPM.

Selain 12 spesies rumput laut, pelbagai jenis siput dan kerangan juga boleh dilihat, begitu juga pelbagai spesies timun laut, tapak sulaiman, ikan serta kuda laut berbentuk boleh ditemui di hamparan rumput ini.

Sumber makanan dugong

Muta Harah yang juga Ketua Projek Program Penanaman dan Pemuliharaan Rumput Laut di Beting Merambong berkata, rumput laut juga memainkan peranan dalam mengawal selia persekitaran lautan.

"Hasil kajian juga mendapati hamparan rumput laut di Beting Merambong ini menjadi kawasan sumber makanan utama bagi dugong, hasil penemuan kesan ragutan mamalia itu.

"Rumput laut adalah satu-satunya makanan bagi Dugong, dia memilih untuk dia tidak makan jenis rumput laut yang besar seperti *Enhalus acoroides* atau *Setu* sebab nanti mulut dia luka.

"Dugong akan makan rumput kecil seperti *Halophila ovalis*, *Halophila major*, *Halophila spinulosa* dan *Thalassia hemprichii*, itu nama saintifik rumput laut, tetapi nama kampung orang panggil rumput dugong.

"Dugong kebiasaannya datang ke kawasan rumput laut waktu air pasang. Semasa air pasang kawasan ini sepanjang 8 hingga 10 jam dugong akan mengembara beratus kilometer untuk cari makan, dan akan singgah makan di kawasan ini.

Menyentuh proses pemuliharaan ekosistem rumput laut di Beting Merambong, Muta Harah mendedahkan kesan pembangunan beting ini terpisah kepada dua bahagian pada 2015.

Namun hasil usaha menerusi projek penanaman dan penanaman semula rumput laut, serta kepatuhan pihak Forest City yang mengambil tindakan pantas.

"Beting Merambong kini tumbuh dengan subur dan kembali luas. Proses penanaman dan pemuliharaan ini dilakukan secara berfasa bermula tahun 2016, 2017, 2018, 2019 dan berterusan sehingga tahun 2023.

"Proses ini akan diteruskan hingga di masa akan datang untuk memantau pemuliharaan ekosistem rumput laut tersebut.

"Antara usaha yang dilakukan pemaju itu ialah memasang tabir kelodul dua lapis, memantau kualiti air setiap bulan dan menanam semula rumput laut di kawasan yang tidak ditumbuhi.

"Kewujudan kawasan pembangunan hartanah Forest City dan juga beting Merambong membuktikan pembangunan infrastruktur moden dan kelestarian alam sekitar dapat bergerak secara seiring dengan menitikberatkan pemuliharaan alam sekitar dan pemantauan pertumbuhan rumput laut," katanya.



Hamparan rumput laut terbesar di Semenanjung terletak di Beting Merambong, Gelang Patah.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	28	13.5.2024

Dijangka kehilangan 5 hingga 10 peratus terumbu karang

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA NERUS

Cuaca panas boleh 'bunuh' terumbu karang

Negara dijangka kehilangan lima hingga 10 peratus litupan terumbu karang di sepanjang perairan akibat cuaca panas dan kering yang berpanjangan.

Pakar penyelidik batu karang Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Tan Chun Hong berkata, hidupan itu merupakan haiwan marin yang sensitif terhadap sebarang perubahan suhu air laut kerana ia antara punca terhadap kematian dan kecacatan spesies berkenaan.

Menurutnya, cuaca panas ekstrem akan mempengaruhi sistem imun di dalam badan haiwan itu, sekali gus mempengaruhi proses pertumbuhan.

"Pemanasan air laut akan merendahkan sistem imun batu karang dan menurunkan tahap daya tahan terhadap ancaman bakteria dan virus daripada per-

sekitaran," katanya ketika dihubungi di sini pada Jumaat.

Tambah beliau, apabila pemanasan suhu air laut melebihi dua darjah Celsius kebarangkalian batu karang untuk mati juga akan meningkat.

"Kajian menunjukkan peningkatan suhu air laut antara satu hingga dua darjah Celsius daripada paras normal dalam tempoh lebih dua minggu akan memberi tekanan terhadap kesihatan batu karang," ujarnya.

Jelasnya, situasi itu membayangkan kerana batu karang merupakan asas dalam pembentukan ekosistem terumbu karang.

Sehubungan itu katanya, UMT akan terus memperkasakan program pemuliharaan batu karang meliputi projek mengenal pasti benih karang yang mempunyai daya tahan tinggi untuk



FOTO: UMT

Litupan terumbu karang di sepanjang perairan berisiko terancam akibat cuaca panas dan kering yang berpanjangan.

digunakan dalam pemulihan semula terumbu karang berskala besar.

Katanya, ia bagi memastikan

kelestarian hidupan itu pada masa akan datang.

Menurutnya, hasil kajian yang dilakukan di Pulau Bidong

mendapati risiko kematian dan kecacatan benih batu karang turut meningkat apabila suhu air laut menjadi lebih panas daripada normal.

"Kajian penyelidik mendapati benih batu karang spesies Acropora yang berada di dalam air yang suhunya dua darjah Celsius lebih panas daripada keadaan normal, menunjukkan 8.5 peratus lebih banyak kematian.

"Secara purata, 10 peratus benih mengalami kecacatan 10 hari selepas penetasan.

"Ini bermaksud, dalam keadaan pemanasan suhu laut yang luar daripada normal, batu karang dewasa dan benih batu karang turut alami kematian yang tinggi dan memberi impak besar kepada usaha pemuliharaan batu karang seperti program restorasi karang yang UMT lakukan di Pulau Bidong," katanya.